



The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1997



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Haji Jahidin bin Haji Abdul Latif. (1997). Islam Sebagai Pendorong Pembangunan Masyarakat Melayu, XLVII (68): 71-75

ISLAM SEBAGAI PENDORONG PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Haji Jahidin bin Haji Abdul Latif

INTRODUCTION

Islam datang ke alam Melayu dengan membawa perubahan yang besar yang tidak ada tolak bandingnya. Alam Melayu yang penuh dengan pengaruh khurafat, syirik dan takhayul, tiba-tiba secara mendadak berubah dan bertukar wajah menuju kepada tamadun ilmu. Pusat-pusat ilmu pengetahuan tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Dan tradisi ilmu ini menghubungkan alam Melayu dengan alam luar.

Bangsa Melayu telah menganut berbagai agama silih berganti. Tetapi setelah menerima Islam, mereka telah menerima terus Islam dan menolak yang lain.

Islamlah yang telah membangun bangsa Melayu dengan penekanan kepada pembangunan insan seutuhnya dan seluruhnya. Insan yang harus dibangun supaya seimbang dari segi intelektual, fizikal, mental dan *spiritual*.

ISLAM SEBAGAI PENDORONG PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

oleh

Haji Jahidin bin Haji Abdul Latif

Muqadimah

Islam datang ke alam Melayu dengan membawa perubahan yang besar yang tidak ada tolak bandingnya. Alam Melayu yang penuh dengan pengaruh khurafat, syirik dan takhayul, tiba-tiba secara mendadak berubah dan bertukar wajah menuju kepada tamadun ilmu. Pusat-pusat ilmu pengetahuan tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Dan tradisi ilmu ini menghubungkan alam Melayu dengan alam luar.

Bangsa Melayu telah menganut berbagai agama silih berganti. Tetapi setelah menerima Islam, mereka telah menerima terus Islam dan menolak yang lain.

Islamlah yang telah membangun bangsa Melayu dengan penekanan kepada pembangunan insan seutuhnya dan seluruhnya. Insan yang harus dibangunkan supaya seimbang dari segi intelektual, fizikal, mental dan *spiritual*.

Islam Di Zaman Kesultanan Brunei

Bagi Sarawak, Kesultanan Bruneilah yang paling berpengaruh dalam memperkembangkan agama Islam. Di bawah pemerintahan Brunei, pedagang-pedagang Arab dan keturunan mereka mendapat layanan istimewa bukan hanya kerana faktor dagangan tetapi juga kerana pengetahuan mereka mengenai agama Islam serta kemampuan mereka dalam bidang pentadbiran dan mungkin juga kerana kerabat diraja Brunei itu sendiri berdarah Arab; Sultan Brunei yang ketiga ialah seorang Arab yang bernama Syarif Ali Bilfalih dari negeri Taif. Oleh yang demikian terdapat beberapa orang syarif dan orang Melayu keturunan Arab, mentadbir jajahan-jajahan Kesultanan Brunei di Kalimantan Utara. Apa yang dikenali sebagai Bahagian Pertama Sarawak sekarang ini telah dibahagikan kepada beberapa orang syarif tersebut: Syarif Sahib di Sadong. Walaupun tidak ada bukti yang mutlak namun bolehlah dipercayai bahawa syarif-syarif ini telah berjaya mengislamkan kesemua orang Melayu dan sebilangan penting puak-puak Dayak sebelum abad ke-19¹.

Sarawak pada zaman pemerintahan Brunei digelar sebagai Darul Islam di mana Brunei adalah sebahagian darinya. Adalah dipercayai bahawa Islam